

Bahang Tahun Baru Cina Masih Terasa

KANGAR,20 Mac 2010 - Walaupun sambutan perayaan Tahun Baru Cina sudah lebih sebulan berlalu, namun bahang perayaan itu masih terasa di kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Buktinya pada 20 Mac lalu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Majlis Perwakilan Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) UniMAP menganjurkan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat UniMAP bertempat di Dewan Capitol UniMAP. Bertemakan "Crouching Tiger In Summer Spring", majlis pembukaan dimeriahkan dengan tarian singa serta persempahanan dari pelajar-pelajar kaum Cina dan pelajar antarabangsa UniMAP.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato` Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, sambutan yang diadakan setiap tahun ini dapat mengumpulkan semua warga UniMAP untuk mengeratkan lagi hubungan pelbagai kaum.

"Dengan adanya sambutan sebegini, kaum lain juga diberi peluang untuk mengenali dan memahami budaya pelbagai kaum di Malaysia, dan dalam konteks ini budaya kaum Cina dengan lebih baik.

"Saya juga percaya bahawa ini akan memberi kefahaman dan mengeratkan hubungan sesama kita. Persefahaman yang baik antara kaum adalah tunggak kekuatan, keamanan dan kemakmuran negara kita," katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian majlis tersebut.

Turut hadir, isteri Naib Canselor UniMAP, Datin Noridah Yangman, Pegawai-pegawai Utama, Ketua-ketua Jabatan dan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.Kemuncak acara pada majlis itu merupakan cabutan bertuah, yang disempurnakan Brig. Jen. Dato` Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

